



2 September 2016  
2 September 2016  
P.U. (A) 233

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT  
GAZETTE*

PERATURAN-PERATURAN PASARAN MODAL DAN  
PERKHIDMATAN (PENYELESAIAN PERTIKAIAN)  
(PINDAAN) 2016

*CAPITAL MARKETS AND SERVICES  
(DISPUTE RESOLUTION) (AMENDMENT)  
REGULATIONS 2016*



DISIARKAN OLEH/  
PUBLISHED BY  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

## AKTA PASARAN MODAL DAN PERKHIDMATAN 2007

PERATURAN-PERATURAN PASARAN MODAL DAN PERKHIDMATAN  
(PENYELESAIAN PERTIKAIAN) (PINDAAN) 2016

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 378(1) dan subseksyen 379(5) Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 [*Akta 671*], Suruhanjaya, dengan kelulusan Menteri, membuat peraturan-peraturan yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Pasaran Modal dan Perkhidmatan (Penyelesaian Pertikaian) (Pindaan) 2016**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 5 September 2016.

**Pindaan am**

2. Peraturan-Peraturan Pasaran Modal dan Perkhidmatan (Penyelesaian Pertikaian) 2010 [*P.U. (A) 437/2010*], yang disebut “Peraturan-Peraturan ibu” dalam Peraturan-Peraturan ini, dipinda dalam teks bahasa kebangsaan, dengan menggantikan perkataan “pertubuhan perbadanan yang diluluskan” di mana-mana jua terdapat, termasuk dalam nota bahu, kecuali dalam takrif “pertubuhan perbadanan yang diluluskan” dalam peraturan 2, subperaturan 5(1) dan subperaturan 8(2), dengan perkataan “pertubuhan perbadanan diluluskan”.

**Pindaan peraturan 2**

3. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dalam peraturan 2—

(a) dalam takrif “anggota”, dengan menggantikan perkataan “subperaturan 5(2)” dengan perkataan “subperaturan 5(2) dan (3)”;

(b) dalam takrif “award”, dengan memasukkan selepas perkataan “suatu award yang diberi” perkataan “atau suatu keputusan yang dibuat”;

- (c) dengan menggantikan takrif “pertubuhan perbadanan yang diluluskan” dengan takrif yang berikut:

‘ “pertubuhan perbadanan diluluskan” ertinya suatu pertubuhan perbadanan yang diluluskan oleh Suruhanjaya menurut seksyen 379 Akta;’; dan

- (d) dalam takrif “terma rujukan”, dengan menggantikan perkataan “suatu set terma” dengan perkataan “kaedah-kaedah yang diadakan menurut perenggan 379(3)(b) Akta”.

### **Pindaan peraturan 3**

4. Peraturan 3 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

- (a) dengan memotong subperaturan (1); dan
- (b) dalam subperaturan (2), dengan menggantikan perkataan “tidak boleh memberikan kelulusan di bawah subperaturan (1) melainkan jika” dengan perkataan “boleh meluluskan suatu pertubuhan perbadanan menjadi suatu pertubuhan perbadanan diluluskan sekiranya”.

### **Pindaan peraturan 4**

5. Subperaturan 4(2) Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “suatu pertubuhan perbadanan” dengan perkataan “pertubuhan perbadanan yang membuat permohonan di bawah subperaturan (1)”.

### **Pindaan peraturan 5**

6. Peraturan 5 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

- (a) dengan menggantikan subperaturan (1) dengan subperaturan yang berikut:

“(1) Pertubuhan perbadanan diluluskan adalah sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual 1.”; dan

(b) dengan memasukkan selepas subperaturan (2) subperaturan yang berikut:

“(3) Walau apa pun subperaturan (2), Suruhanjaya boleh mengarahkan mana-mana orang berlesen atau orang berdaftar untuk menjadi anggota pertubuhan perbadanan diluluskan.”.

### **Pindaan peraturan 6**

7. Peraturan 6 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

(a) dengan memotong subperaturan (1) dan (2);

(b) dalam subperaturan (3), dengan menggantikan perkataan “di laman Internet yang tersedia kepada awam” dengan perkataan “di laman sesawang pertubuhan perbadanan diluluskan itu”;

(c) dalam subperaturan (4)—

(i) dengan memasukkan selepas perenggan (d) perenggan yang berikut:

“(da) skop, kriteria dan proses bagi rayuan terhadap keputusan yang dibuat oleh pertubuhan perbadanan diluluskan itu menurut suatu penghukuman, yang akan didengar oleh suatu jawatankuasa rayuan sebagaimana yang ditentukan oleh Suruhanjaya;”

- (ii) dalam perenggan (*e*)—
  - (A) dalam teks bahasa kebangsaan, dengan menggantikan perkataan “fi lain atau bayaran” dengan perkataan “fi atau bayaran lain”;
  - (B) dengan memasukkan selepas perkataan “kelas anggotanya” perkataan “, atau oleh mana-mana orang yang disebut dalam subperaturan 8(3),”; dan
  - (C) dengan memasukkan selepas perkataan “anggota yang berlainan kelas” perkataan “atau orang yang disebut dalam subperaturan 8(3) yang berlainan kelas”; dan
- (iii) dalam perenggan (*j*), dengan menggantikan perkataan “dan anggota yang relevan” dengan perkataan “, anggota yang relevan dan orang yang disebut dalam subperaturan 8(3)”.

#### **Pindaan peraturan 7**

8. Perenggan 7(1)(*h*) Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “di bawah subperaturan 4(1) dan (2)” dengan perkataan “bagi maksud Peraturan-Peraturan ini”.

#### **Pindaan peraturan 8**

9. Peraturan 8 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

- (*a*) dengan menggantikan subperaturan (2) dengan subperaturan yang berikut:

“(2) Suatu pertubuhan perbadanan diluluskan hendaklah dengan serta-merta memberitahu Suruhanjaya—

- (*a*) tentang apa-apa perkara yang boleh menjejaskan atau